

Syukuri nikmat dikecapi — PM

UM - 7 DEC 2001

Oleh ROSNI HASSAN

L LANGKAWI 6 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta umat Islam belajar daripada pengalaman buruk yang dialami oleh rakyat Afghanistan, dengan bersyukur di atas nikmat yang mereka kecapai sekarang.

Perdana Menteri berkata, sekiranya rakyat sentiasa bersyukur maka perhubungan sesama mereka akan menjadi lebih baik dan nikmat yang dikecapi juga akan bertambah.

“Bersyukurlah dengan nikmat pemberian Tuhan kerana dengannya kita dapat hidup dalam sebuah negara yang bertuah dengan pelbagai kemudahan serta makanan yang mencukupi dan dapat beribadat dengan selamat dan selesa.

“Di tempat lain, rakyatnya derita, tidak cukup makanan dan tidak ada pakaian tetapi nasib kita di sini agak mewah.

“Oleh itu kita patut bersyukur kerana Tuhan memberikan nikmat ini, kerana itu kita dapat beribadat, berpuasa dalam keadaan senang dan selamat,” katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa di Masjid Assofiah, Wang Tok Rendong di sini, malam ini.

Dr. Mahathir menambah, rakyat tidak pernah menghadapi malapetaka sebagaimana yang dialami oleh rakyat Afghanistan yang dibunuh, ditindas dan ditekan oleh pihak-pihak tertentu.

Keselesaan serta kemewahan yang dikecapi itu juga, katanya, sedikit sebanyak telah menyebabkan rakyat lupa dan tidak menghargai nikmat yang dikecapi.

Beliau juga menyatakan rasa kesalnya apabila ada pihak yang marah apabila kerajaan mengumumkan kenaikan kadar tol sebanyak 10 peratus tetapi mudah lupa dengan pelbagai faedah dan keistimewaan yang diberikan oleh kerajaan menerusi Belanjawan 2002.

“Kerajaan memberikan pelbagai kemudahan seperti bonus dan kenaikan gaji tetapi apabila kita naik tol mereka marah,” katanya.

Perdana Menteri berkata, sikap tidak bersyukur dengan nikmat yang diperoleh itu tidak selaras dengan tuntutan agama Islam yang sentiasa mahukan umatnya supaya bersyukur sepanjang masa.

“Apabila bersyukur, Tuhan berjanji nikmatnya akan bertambah, tetapi kita dapati kadangkala ada yang tidak bersyukur maka azab yang kita terima

pedih dan kita tidak akan terima banyak nikmat lain,” tambah beliau.

Terdahulu, Perdana Menteri meninjau beberapa tapak projek pembangunan yang menjadi tumpuan pelancong di sekitar Langkawi termasuk projek kereta kabel yang bermula bersebelahan kawasan membeli-belah bebas cukai dan Oriental Village di Teluk Burau.

Dr. Mahathir juga telah menaiki bot bagi meninjau perkembangan projek pemulihan Pantai Kok dan benteng penahan ombak bernilai RM29.6 juta yang bakal menjadi pusat rekreasi awam

serta pemangkin kepada kawasan pembangunan baru di utara Langkawi.

Perdana Menteri juga singgah melihat perkembangan projek pengindahan Sungai Kuala Melaka yang dibangunkan dengan kos RM28 juta dan dijadual siap Jun tahun depan.

Beliau turut melawat projek membina, menyelenggara dan membaik pulih kapal layar di Tanjung Lembung di kawasan seluas 4.8 hektar hasil usaha sama Penang Shipbuilding and Construction Sdn. Bhd. (PSC) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).